



PEKELILING JABATAN KEWANGAN BIL. 2/2016

Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Pengurus-Pengurus Jururawat
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

POLISI CAJ PERKHIDMATAN RAWATAN HCTM, PPUKM

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 4/2015 bertarikh 30 September 2015 dan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan UKM Bil. 5/2015 bertarikh 16 Disember 2015 telah bersetuju meluluskan polisi caj perkhidmatan rawatan seperti berikut :

- i. Perubahan polisi caj bagi jualan ubat di Kedai Farmasi, HCTM PPUKM seperti berikut :
 - a. Peningkatan peratusan *mark-up* ubat *Non-Formulary* kepada 15% dari jumlah kos.
 - b. Tambahan caj sebanyak 15% dari jumlah kos bagi ubat *Formulary* kepada pesakit bukan warganegara Malaysia.
- ii. Polisi caj ujian-ujian makmal luar yang tidak dilaksanakan di makmal-makmal Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik (rujuk lampiran 1).
- iii. Kadar caj bagi tiga (3) jabatan seperti berikut (rujuk lampiran 2) :-
 - a. Jabatan Surgeri
 - b. Jabatan Radiologi
 - c. Jabatan Pediatrik
- iv. Perubahan polisi caj bagi penyediaan Laporan Perubatan (rujuk lampiran 3).

Bersesuaian dengan itu, pelaksanaan polisi caj perkhidmatan rawatan HCTM PPUKM ini adalah berkuatkuasa mulai **2 Februari 2016 (Selasa)**. Diharapkan pihak YBhg. Prof Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan.

Sekian, perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Prof Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.



MS ISO 9001:2008 Cert. No.: AR 3962

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan UKM

- s.k
- Dekan Fakulti Perubatan Dan Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Timbalan-Timbalan Dekan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Ketua Pegawai Operasi, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM
 - Fail Edaran



Jabatan Kewangan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Telefon: +603-9145 5228/5234/5244 Faksimili: +603-9173 8606 E-mel: hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my>

POLISI CAJ BAGI UJIAN-UJIAN YANG DIHANTAR KE LUAR

- 1) Pengenaan caj tambahan ke atas kadar caj bagi lain-lain institusi yang akan berurusan dengan Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik :

KETERANGAN	KADAR CAJ
Bagi harga kadar caj ujian makmal yang lebih daripada RM100.00.	Tambahan 20% atas harga yang ditetapkan oleh institusi.
Bagi harga kadar caj ujian makmal yang kurang atau sama dengan RM100.00.	Tambahan harga RM20.00.

- 2) Kategori pesakit yang akan dikenakan caj bagi perkhidmatan ujian-ujian makmal luar HCTM, PPUKM seperti di bawah : -

STATUS PESAKIT	KETERANGAN
Percuma, Awam Dewasa/Kanak-kanak, Warga Tua	Berbayar penuh.
Bukan Warganegara (Berbayar)	Dikenakan caj dua (2) kali ganda daripada kadar caj Awam Dewasa.

- 3) **Penggenapan caj tambahan** (*mark-up price*) kepada kadar yang terhampir sekiranya peratusan pertambahan caj mempunyai nilai sen.

Contoh :-

Harga Asal	=	RM113.00
Tambahan 20%	=	<u>RM22.60</u>
Jumlah Keseluruhan	=	<u>RM135.60</u>
Kadar caj yang dikenakan	=	RM136.00

KADAR CAJ UJIAN MAKMAL BAGI INSTITUSI-INSTITUSI LUAR

BIL.	INSTITUSI	LAMPIRAN 1
1.	Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)	A
2.	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan	B
3.	Jabatan Kimia Malaysia	C
4.	Malaysian Liver Foundation	D
5.	Pusat Darah Negara	E

KADAR CAJ BAGI TIGA (3) JABATAN

BIL.	JABATAN	LAMPIRAN 2
1.	Jabatan Surgeri	A
2.	Jabatan Radiologi	B
3.	Jabatan Pediatrik	C

PERUBAHAN POLISI CAJ BAGI PENYEDIAAN LAPORAN PERUBATAN

BIL.	KATEGORI LAPORAN PERUBATAN	KADAR CAJ [AWAM DEWASA /KANAK-KANAK/ WARGA TUA] (RM)	KADAR CAJ BUKAN WARGANEGARA (RM)	POLISI PENGENAAN CAJ	JUSTIFIKASI
1.	Laporan Perubatan (Tanpa pemeriksaan lanjut ke atas pesakit)	200.00	400.00	i. Pengecualian bayaran Laporan Perubatan meliputi permohonan dari : a. Polis; b. Jabatan Kerajaan (untuk tujuan pentadbiran); c. Pesakit yang mendapat surat akuan dari Jabatan Kesihatan Masyarakat dengan menyertakan Kad Pendaftaran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); d. Biro Bantuan Guaman; e. Borang BAT F117 (untuk tentera yang disertakan bersama surat pengesahan dari Pegawai Pemerintah).	i. Semua yang berkaitan dengan pengesahan perubatan seperti OKU, Kebajikan, Zakat, Borang Sara Ubat (JPA) dan sijil cuti sakit tidak termasuk dalam kategori laporan perubatan.
2.	Laporan Perubatan (Pesakit perlu datang semula untuk pemeriksaan lanjut)	400.00	800.00		ii. Memudahkan pelanggan untuk mendapatkan maklumat kadar bayaran bagi laporan perubatan yang diperlukan mengikut jenis dan kategori laporan yang dipohon.
3.	Laporan Perubatan (Pesakit perlu datang semula beberapa kali untuk pemeriksaan lanjut)	600.00	1,200.00		iii. Mengurangkan pengembalian permohonan yang tidak lengkap disebabkan bayaran yang tidak mencukupi.
4.	Laporan Perubatan (Pesakit perlu masuk wad untuk penilaian, pemerhatian dan penyiasatan lanjut sebelum pendapat pakar boleh diperolehi)	800.00	1,600.00		iv. Mengelakkan pakar perubatan tidak menerima bayaran yang mencukupi setelah laporan terperinci disediakan.
5.	Laporan Perubatan (Pesakit perlu dirujuk ke hospital lain untuk penyiasatan lanjut sebelum pendapat pakar boleh diperolehi)	1,000.00	2,000.00	ii. Pengecualian ini tidak terpakai untuk tujuan insurans dan pengeluaran KWSP.	